



PENUNTUT UPM membersihkan barangan yang ditenggelami banjir kilat di PKGK Kuala Gandah, Lanchang.

Temerloh: Membersihkan lumpur di kandang gajah antara aktiviti Program Kesukarelawanan dan Kebajikan anjuran Universiti Putra Malaysia (UPM) Serdang, Selangor di Pusat Konservasi Gajah Kebangsaan (PKGK) Kuala Gandah, Lanchang, di sini, yang ditenggelami banjir kilat minggu lalu.

Pengarah program Zulkhairy Helmi Abdul Halim berkata, program anjuran Kelab Cobra Army di bawah Sekretariat Kesukarelawanan dan Kebajikan, Kolej Tun Perak itu disertai seramai 63 penuntut.

Katanya, selepas mengetahui PKGK dilanda banjir kilat dengan air lebih satu meter pihaknya memutuskan mengadakan program gotong-royong membantu kakitangan PKGK.

Katanya, kesan lumpur melekat di lantai dan dinding bangunan dibersihkan dan barangan serta peralatan dalam

63 penuntut UPM bersih kandang gajah

pejabat yang rosak akibat 'berendam' air dipindahkan ke tempat lain.

"Saya berpuas hati dapat membantu pengurusan PKGK membersihkan kekotoran selepas kejadian banjir kilat yang dikatakan terburuk dalam tempoh 30 tahun hingga menyebabkan banyak kerosakan.

"Program ini bermula 9 pagi dan selesai kira 4 petang, walaupun hanya beberapa jam berada di situ namun kejayaan membantu kakitangan PKGK memulihkan keadaan di situ dianggap berjaya," katanya, di sini, kelmarin.

Zulkhairy Helmi berkata, banjir kilat yang berlaku minggu lalu diharap tidak mematahkan semangat kakitangan PKGK meneruskan ak-

tiviti bersama gajah yang menjadi produk utama pelancong ke situ.

Sementara itu, penuntut Athirah Amran, 20, berkata ia pengalaman pertamanya dan rakan menyertai program membersihkan kandang gajah.

"Saya seperti tidak percaya melihat kesan banjir di PKGK yang menyebabkan ruang pejabat turut ditenggelami air hingga merosakkan banyak barangan kerana tidak sempat diselamatkan.

"Walaupun penat menyertai gotong-royong namun saya berpuas hati dapat membantu memulihkan pusat pelancongan itu yang terkenal dengan gajah dan menjadi antara produk pelancongan di negara ini," katanya.

